

Bab 2

KAJIAN BERKAITAN

2.1 Pengenalan

Kesan kemasukan FDI ke dalam sesebuah negara telah menarik minat ramai pengkaji bagi melakukan kajian ke atasnya. Terdapat pelbagai hipotesis yang telah dibuat dan beberapa model persamaan juga telah dibentuk dari persamaan tunggal hingga kepada persamaan berbilang. Kajian juga dibuat samada berbentuk analisis siri masa atau juga ujian keratan lintang dan pelbagai keputusan serta hasil telah diperolehi. Oleh itu, di dalam bab ini, beberapa kajian berkaitan telah diambil sebagai rujukan.

2.2 Analisis Kajian Berkaitan

‘Economic Impact of FDI in South Asia’ telah dikaji oleh Agrawal (2000). Kajian empirikal ini adalah untuk melihat kesan kemasukan FDI ke atas pelaburan tempatan dan pertumbuhan GDP. Dari segi pelaburan tempatan, ia dikaji sama ada kemasukan FDI membantu dalam peningkatan pelaburan tempatan serta membentuk kesan rantai hadapan dan belakang. Manakala kesan ke atas pertumbuhan GDP pula dikaji sama ada FDI turut meningkatkan peluang pekerjaan, pengembangan dalam eksport dan kemasukan kemahiran serta pengurusan yang lebih berkesan.

Agrawal (2000) menggunakan data dari tahun 1965 hingga 1996 yang dianalisis melalui analisis siri masa keratan lintang (time series cross section analysis) dengan kaedah penganggaran kuasa dua terkecil (OLS). Kajian dibuat ke atas lima buah negara Asia Selatan iaitu India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka dan Nepal.

Untuk mengenalpasti kesan FDI ke atas pelaburan tempatan Agrawal (2000) menggunakan persamaan tunggal iaitu:

$$\text{Inv/Yt} = b_0 + b_1 Y + b_2 \text{CRDT/Yt} + b_3 \text{FDI/Y} + b_4 \text{TOT} + b_5 \text{RER} + b_6 \Delta \text{TEDtot/Y} + RL$$

Dimana:

Y = Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP)

CRDT/Y = Kebolehan mendapatkan kredit tempatan per GDP

FDI/Y = Pelaburan asing bersih per GDP

TOT = Imbangan perdagangan

RER = Kadar tukaran asing benar

$\Delta \text{TEDtot/Y}$ = Jumlah bersih pinjaman asing per GDP

RL = Kadar pinjaman benar

Di dalam persamaan ini, pembolehubah utama yang dilihat adalah FDI/Y. Koefisien b_3 adalah 0 jika FDI tidak mempunyai sebarang kesan ke atas pelaburan. Jika koefisien b_3 negatif, ia menunjukkan kemasukan FDI menyebabkan pengurangan dalam pelaburan tempatan manakala jika ia positif menunjukkan kemasukan FDI meningkatkan pelaburan tempatan dan adalah dijangkakan koefisien b_3 sepatutnya bertanda positif.

Analisis regressi yang dilakukan oleh Agrawal (2000) menunjukkan keputusan seperti yang dijangkakan apabila peningkatan di dalam FDI akan turut meningkatkan pelaburan tempatan. Hasil keputusan ini turut memberi petunjuk bahawa wujudnya hubungan pelengkap serta kesan rantaian di antara FDI dan pelaburan tempatan.

Manakala kesan FDI ke atas pertumbuhan GDP pula adalah bersifat negatif pada tahun 1980an tetapi bertanda positif pada awal tahun awal 1990an. Di samping itu, hasil

kajian ini juga telah menyokong kepada pandangan bahawa FDI lebih memberi keuntungan dan berfaedah bagi negara yang mengamalkan ekonomi terbuka.

Mbekani (1997) di dalam kajiannya ‘Foreign Direct Investment and Economic Growth’ mempunyai objektif untuk menilai kesan ekonomi yang disebabkan oleh kemasukan FDI bagi membantu di dalam pembentukan polisi di Afrika Selatan. Bagi mencapai maksud tersebut, kajian beliau melihat daripada tiga aspek iaitu;

- i. corak dan pengaliran modal di negara membangun serta kestabilan modal tersebut.
- ii. penentu- penentu kemasukan FDI.
- iii. hubungan diantara FDI dan pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan, pelaburan tempatan dan perdagangan.

Di dalam melihat kesan-kesan hasil daripada kemasukan FDI, beliau telah membahagikan kesan tersebut kepada kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang.

Oleh kerana, data yang diperolehi dari Afrika Selatan telah banyak dipengaruhi oleh keadaan politik pada tahun 1980an dan awal 1990an, negara Malaysia dan Mexico telah dimasukkan ke dalam kajian beliau sebagai perbandingan. Kaedah yang digunakan oleh Mbekani (1997) ialah kaedah Two Step Engle and Granger (1987) untuk menganggarkan hipotesis beliau. Manakala ujian kointegrasi dan error correction model turut digunakan di dalam kajian beliau.

Hasil kajian Mbekani (1997) menunjukkan GDP yang mewakili saiz pasaran mempunyai pengaruh yang kuat dalam menentukan kemasukan FDI. Selain daripada itu, faktor keuntungan di dalam sektor perkilangan menjadi juga menjadi salah satu faktor yang penting. Keuntungan di dalam sektor perkilangan ini di lihat dari segi kos relatif

buruh. Bagi syarikat multinasional yang mempunyai bidang pengeluaran yang lebih sofistikated, faktor buruh yang berkemahiran adalah lebih penting berbanding kos buruh yang murah.

Hasil keputusan yang diperolehi mendapati bahawa FDI mempunyai kesan yang lebih kuat di dalam jangka masa panjang berbanding jangka masa pendek. Kesan positif ke atas eksport hasil daripada kemasukan FDI ke Malaysia sebagai contohnya dapat dilihat dalam jangka masa panjang tetapi tidak memberi kesan langsung di dalam jangka masa pendek. Manakala bagi negara Mexico dan Afrika Selatan FDI tidak memberi kesan di dalam kedua-dua keadaan. Bagi pertumbuhan ekonomi pula hasil menunjukkan keputusan yang bercampur dimana Malaysia mempunyai keputusan yang signifikan tetapi tidak bagi Afrika dan Mexico.

Jansen (1995) melakukan kajian tentang kepelbagaiannya kesan daripada kemasukan FDI ke atas ekonomi Thailand di dalam kajiannya ‘The Macroeconomic Effects of Direct Foreign Investment: The Case of Thailand’. Kesan utama yang dilihat adalah hubungan diantara kemasukan FDI dengan pelaburan swasta, pertumbuhan dan imbalan pembayaran. Bagi kemasukan pelaburan swasta Jansen (1995) membuat beberapa hipotesis iaitu peningkatan di dalam FDI akan turut meningkatkan pelaburan tempatan. Kedua, kemasukan projek FDI yang baru turut menjadi pelengkap kepada pelaburan tempatan swasta yang menyediakan input kepada atau menggunakan output daripada firma asing. Akhir sekali, kesan ‘crowding out’ mungkin wujud ke atas komoditi dan faktor pasaran.

Manakala FDI juga dijangkakan turut memberi kesan keatas pertumbuhan di mana apabila kemasukan FDI adalah positif pertumbuhan ekonomi juga akan turut memberi kesan positif.

Bagi kesan ke atas imbalan pembayaran, ia dilihat melalui kesan FDI ke atas eksport, pergantungan import, pendapatan bayaran pelaburan dan kadar tukaran benar.

Untuk menguji kesan FDI ke atas ekonomi Jansen (1995) membina model makroekonomi yang menggabungkan pelbagai kesan kemasukan modal ke dalam ekonomi contohnya pembentukan model pelaburan swasta, eksport, import dan pertumbuhan dalam wang secara meluas (M3).

Hasil daripada model yang dibentuk di dapati wujud kesan lelehan daripada kemasukan teknologi baru yang dapat membantu firma tempatan menjadi lebih cekap dan bersaing. Selain daripada itu, kesan ke atas eksport menunjukkan FDI memberi kesan yang besar ke atas ekonomi yang mempunyai orientasi eksport yang kuat dan seterusnya ini akan membawa kepada peningkatan di dalam eksport. Walau bagaimanapun, FDI di dapati adalah intensif import dan ini membawa kesan kepada peningkatan defisit di dalam akaun semasa. Namun, hipotesis tentang kesan ‘crowding out’ hasil daripada kemasukan FDI, tidak dapat dibuktikan oleh Jansen (1995). Akhir sekali, keputusan yang diperolehi oleh Jansen (1995) menunjukkan peningkatan di dalam FDI akan memberi kesan reformasi ke atas sektor kewangan awam.

Kajian Van Loo (1977) di dalam ‘The Effect of Foreign Direct Investment in Canada’ menguji beberapa kesan langsung dan tidak langsung kemasukan FDI ke dalam negara penerima. Van Loo (1977) menggunakan data negara Kanada dari tahun 1948

sehingga 1966. Beliau menggunakan persamaan serentak dengan kaedah penganggar kuasa dua terkecil dua peringkat (2SLS).

Di dalam membentuk model empirikal Van Loo (1977) mengambil kira kesan langsung daripada pelaburan asing yang berlaku samada secara rantai hadapan atau belakang atau merentasi pelbagai industri. Oleh itu, model persamaan yang dibentuk mengandungi pelaburan, penggunaan, eksport dan import. Manakala kesan tidak langsung adalah didapati melalui perbelanjaan (salah satu pembolehubah yang digunakan) menerusi teori pencepat pelaburan (accelerator theory of investment). Kesan tidak langsung ini diuji oleh Van Loo (1977) melalui persamaan serentak.

Keputusan yang diperolehi mendapati bahawa FDI mempunyai kesan negatif terhadap eksport di mana peningkatan di dalam kemasukan FDI akan menjelaskan eksport. Bagi pembolehubah import keadaan sebaliknya berlaku apabila FDI mempunyai kesan positif kepada import. FDI mempunyai kesan negatif yang signifikan ke atas pembolehubah penggunaan. Akhir sekali, bagi pembolehubah pelaburan tempatan ia mempunyai kesan yang positif dan signifikan.

Seperti Jansen (1995), O'Sullivan (1993) turut melakukan kajian ke atas kesan kemasukan FDI ke atas ekonomi Ireland di dalam kajiannya 'An Assesment of Ireland's Export Led Growth Strategy via Foreign Direct Investment 1960-1980'. Beliau menggunakan data negara Ireland daripada tahun 1960 hingga 1980. Analisis ini juga dilakukan dengan menggunakan kaedah penganggar kuasa dua terkecil dua peringkat (2SLS). Manakala sistem yang digunakan pula adalah sistem persamaan serentak yang mengandungi enam persamaan iaitu pelaburan asing, pelaburan tempatan, eksport, import, tenaga buruh dan output. Selain daripada itu, O'Sullivan (1993) memasukkan lag

dalam pembolehubah pelaburan asing dan eksport untuk menilai adanya kesan tersusul FDI dan eksport ke atas pelaburan tempatan dan eksport.

O'Sullivan memperolehi keputusan yang signifikan dan positif bagi kesan kemasukan FDI ke atas eksport dan pelaburan tempatan. Selain daripada itu, hasil yang diperolehi menunjukkan bahawa kadar upah relatif mempunyai pengaruh yang besar ke atas kemasukan pelaburan asing. Manakala pasaran United Kingdom didapati mempunyai pengaruh yang besar ke atas variasi eksport Ireland.

Kesan FDI ke atas output industri telah dikaji oleh Shan, Tian dan Sen (1997) di dalam kajiannya 'The FDI Led Growth Hypotesis: Further Econometric Evidence from China'. Kajian ini yang bertujuan untuk melihat hubungan di antara FDI dan pertumbuhan output industri di China dengan menggunakan data siri masa secara suku tahunan dari tahun 1980-1985. Shan, Tian dan Sen (1997) membentuk enam pembolehubah bagi model Vektor Autoregressi. Pembentukan fungsi model tersebut adalah seperti berikut:

$$Y_t = f(Inv_t, lab_t, Imp_t, Fdi_t, En_t)$$

Di mana:

Y_t = output industri

Inv_t = modal

Lab_t = buruh

Imp_t = import

Fdi_t = pelaburan asing ke China

En_t = penggunaan sumber kuasa

Dengan menggunakan metodologi ujian Granger Causality yang dibina oleh Toda dan Yamamoto (1995) model yang telah dibentuk dianalisis. Walau bagaimanapun, hasil keputusan yang diperolehi tidak dapat membantu hipotesis yang dibentuk. Ini kerana walaupun kemasukan FDI yang banyak dapat membantu China menembusi pasaran luar negara dan meningkatkan teknologi, namun China sebenarnya lebih banyak bergantung dan memperolehi faedah daripada pertumbuhan dalam permintaan tempatan. Ini seterusnya meningkatkan pelaburan tempatan yang membolehkan China mencapai pertumbuhan output industri yang besar.

2.3 Kesimpulan

Penggunaan kajian berkaitan yang telah dipilih dan dianalisis adalah penting di dalam kajian ini untuk rujukan dan perbandingan dengan teori, metodologi dan keputusan empirikal kajian ini. Ini dapat membantu penulis untuk mengkaji implikasi dan sebab perbezaan serta persamaan yang bakal diperolehi di dalam kajian ini berbanding kajian-kajian terdahulu.